

06/12/1997

Kerajaan Kelantan minta pinjaman

LANGKAWI, Jumaat - Kerajaan Kelantan pimpinan Pas meminta pinjaman mudah dari Kerajaan Pusat berikutan masalah kewangan yang dialami negeri itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tanpa mendedahkan jumlah yang diminta Kerajaan Kelantan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu menimbang permohonan berkenaan sebelum membuat keputusan seterusnya.

"Mereka meminta pinjaman mudah dari Kerajaan Pusat... perkara ini sudah lama diutarakan... kita cuma tidak dapat menimbangkannya ketika ini," katanya selepas pertemuan selama dua jam dengan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, di sini, petang ini.

Dr Mahathir berada di sini untuk menyaksikan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima '97) yang bermula Selasa lalu.

Terdahulu, beliau dan Nik Abdul Aziz bersembahyang Jumaat di Masjid Kampung Temoyong, dekat sini.

(END)